

# → MUKA SEPULUH

## DARI KACA MATA

➔ **Dr Muhamad Razak Idris**  
Setiausaha Majlis Dakwah  
Negara (MDN) dan juga  
pensyarah di Fakulti  
Pengajian Islam, UKM



Sepanjang persidangan perpaduan ummah itu juga, inti pemikiran utamanya tertonjol jelas iaitu perpaduan ummah ialah keutamaan tertinggi agama”

MPU juga mengusulkan supaya usaha himpulkan pergerakan masyarakat sivil atau madani di negara ini dirancarkan”

Persidangan perpaduan ummah di kalangan generasi muda dicadangkan untuk dikelolakan. Ini bagi membolehkan idea mereka diangkat secara meluas”

# Enam usul teras jayakan perpaduan

BH  
3/6/2016  
MIS 10-11

**W**arga Multaqa Perpaduan Ummah (MPU) yang bersidang pada 18 Mei lalu bersepakat dan mencadangkan enam usul untuk digerakkan bagi menjayakan perpaduan ummah di negara kita. Usul pertama menyangkut kepentingan bagi mengukuhkan institusi Raja-Raja Melayu sebagai payung dan tonggak kepada seluruh umat Islam dan rakyat Malaysia. Untuk itu, institusi Raja-Raja hendaklah terus diperkukuhkan fungsi dan peranan dalam negara supaya ia sentiasa dihormati oleh masyarakat sejajar dengan struktur dan sistem kenegaraan Malaysia semasa.

Warga MPU bimbang sekiranya institusi Raja-Raja tidak dihormati, payung yang paling kukuh bagi menaungi seluruh kepentingan umat dan negara ini, akan goyah. Ini menjadi satu ancaman kepada benteng utama keutuhan perpaduan ummah. Institusi Raja-Raja yang dihormati mampu berperanan sebagai penentu, penilai dan pengimbang paling berhikmah menerusi titah dan nasihat terbaik kepada pihak berkaitan bagi sebarang kekusutan, pertikaian atau perselisihan berlarutan yang boleh mencabar keutuhan perpaduan ummah.

Sepanjang persidangan perpaduan ummah itu juga, inti pemikiran utamanya tertonjol jelas iaitu perpaduan ummah ialah keutamaan

tertinggi agama di negara kita hari ini. Menerusi perpaduan ummah yang utuh, ia akan membuka ruang dan peluang luas bagi proses pembangunan ummah tersusun dan menyeluruh daripada aspek ekonomi, politik dan sosial.

Sebarang bentuk halangan, cabaran dan kesukaran yang mungkin dihadapi bagi merealisasikan agenda perpaduan ummah hendaklah diatasi dan ditangani secara bertahap dan berhikmah. Bagi merealisasikan hasrat luhur ini, warga MPU juga mencadangkan usul kedua iaitu satu persekitaran politik Malaysia sihat dan positif hendaklah diwujudkan. Ini bagi membolehkan semua pihak terbahit di dalam proses perlakuan politik boleh berfungsi secara seimbang dan konstruktif, sejajar dengan ruang hak partisipasi yang wujud dalam sistem demokrasi terbuka negara kita.

**Pertemuan khusus pemimpin**  
Untuk itu, warga MPU mencadangkan supaya pertemuan khusus dilakukan kepada pemimpin utama di pihak kerajaan atau pembangkang. Pertemuan itu mempunyai tujuan khusus antaranya menyatakan keprihatinan rakyat terhadap kepentingan semua parti politik berpegang kepada nilai dan prinsip politik yang dianjurkan Islam. Menerusi

persefahaman itu, ia diharap akan menyumbang kepada kelahiran persekitaran politik positif yang mampu beri hak saksama, terbuka dan adil kepada semua pihak untuk berpartisipasi di arena politik demi kesejahteraan negara.

Menerusi pengalaman politik berteraskan nilai mulia, bidang politik akan dihormati oleh rakyat. Ini secara langsung dapat mengangkat kedudukan penggiat politik sebagai kelompok yang dihargai. Situasi ini akan menjadikan politik menyatukan ummah dan bukan sebagai elemen yang memecahbelahkan. Sekiranya pemimpin politik utama bersepakat, pertemuan bersama wajar dikelolakan bagi menunjukkan komitmen perpaduan ummah.

Dj samping itu, MPU juga mengusulkan supaya usaha menghimpunkan pergerakan masyarakat sivil atau madani di negara ini dirancarkan. Komponen masyarakat madani amat penting kerana ia adalah antara wadah terbesar bagi masyarakat menyumbang kepada pembangunan negara menerusi kegiatan kebajikan, kesukarelaan dan pembangunan masyarakat. Kesepaduan golongan madani di negara kita menerusi pergerakan sivil mereka sama ada berorientasikan keagamaan, kebudayaan dan perekonomian hendaklah digembleng.

Kesepakatan mereka pasti memberi impak berganda kepada pembangunan akar umbi rakyat terbahyang dalam segenap bidang kemasyarakatan. Usul keempat ialah kepentingan untuk satu gerakan meluas bangunan fikrah perpaduan dalam kalangan rakyat. Masyarakat yang berada di segenap lapisan dari kalangan petani, nelayan, buruh dan peladang misalnya, hendaklah menjadi kelompok utama menggerakkan cita-cita perpaduan ummah.

Gerakan kesadaran perpaduan ummah selepas ini hendak memperbanyakkan aktiviti turun padang menjelaskan cita-cita perpaduan ummah ke segenap peringkat masyarakat. Perpaduan ummah tidak akan bermakna tanpa pembahitan generasi muda.

Warga MPU mencadangkan usul kelima supaya fikrah perpaduan serta nilainya diterangkan le-

bih awal dalam kalangan generasi muda. Sekiranya jiwa dan nilai perpaduan ini tercerna dalam kalangan generasi muda sejak awal, negara kita pasti tidak akan berdepan dengan isu perpecahan ummah pada masa depan. Untuk itu, persidangan perpaduan ummah di kalangan generasi muda dicadangkan untuk dikelolakan. Ini bagi membolehkan idea mereka diangkat secara meluas terutama bagi membentuk minda dan jiwa perpaduan secara lebih berkesan di kalangan generasi muda negara.

**Peranan media sosial**  
Usul keenam ialah penekanan supaya satu gabungan media nasional dan media sosial dibentuk bagi membangkitkan semangat perpaduan dalam kalangan ummah. Dalam erti kata lain, peranan media adalah asasi bagi menyebarkan fikrah dan jiwa perpaduan menerusi pelbagai program penyiaran mereka. Apa yang lebih utama lagi ialah media hendaklah mengelak daripada terjebak dengan perbuatan yang menyebabkan terjadinya perpecahan ummah menerusi pemberitaan yang tidak tepat atau bersifat adu domba.

Enam usul ini akan menjadi agenda teras bagi merealisasikan perpaduan ummah di negara kita. Satu sekretariat khas telah dibentuk di bawah Majlis Dakwah Negara (MDN)-YADIM bagi mengusahakan segala cadangan yang dikemukakan MPU. MDN juga sudah mengenalpasti dan melantik sejumlah tokoh ilmuwan, agamawan, birokrat dan teknokrat negara bagi menganggotai pasukan panel perunding perpaduan ummah yang akan berfungsi merencana dan menasihatkan langkah dan tindakan yang wajar bagi menjayakan cita-cita perpaduan ummah dalam masa terdekat ini.

➔ Indeks Kreativiti (CI) diguna untuk mengukur kemampuan projek pembangunan serta nilai impak tingki kepada rakyat dengan kos paling minimum kepada kerajaan Ia dibangunkan oleh Unit Rancangan Ekonomi di IPM. Pakar dari UKM, **Dr Shaharudin Idris**, melihat bagaimana CI boleh bantu kempen pilihan raya kecil, ikut ulasannya, esok.

### Sidang redaksi

Pengarang Utusan  
Kumpulan NSTP  
**Datuk Abdul Jalil Hamid**  
jalil@bh.com.my

Pengarang  
Kumpulan BH  
**Datuk Mahfar Ali**  
maha@bh.com.my

Tambahan Pengarang  
Kumpulan BH  
**Datuk Badrulhisham Othman**  
baneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif  
Pengeluaran Percetakan & Digital  
**Roeli Safar**  
roeli@bh.com.my

Pengarang Eksekutif  
Berita/Berita Digital  
**Ahmad Zaini Kamaruzzaman**  
matzaini@bh.com.my

Penulis Khas Kanan  
Ekonomi & Etwal Semasa  
**Isidris Idris**  
isidris@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M)  
Plot 31 Jalan Bojong, 50100 Kuala Lumpur.  
Tel: 1 300 226787 Faks: 03 20527081  
Laman Web: www.bharian.com.my E-mel: lbh@nsatbh.com.my

## → SUMBER MANUSIA

# TVET bantu negara atasi masalah pekerja mahir

Mengikut prinsip sektor pekerjaan dalam negara maju, asas pembangunan ekonomi pelbagai sektor datang daripada tenaga pekerja berkemahiran tinggi.

Mengikut teori keusahawanan berasaskan sumber, pekerja berkemahiran tinggi dilihat sebagai sumber penting dalam membangunkan produk dan menyumbang kepada pertumbuhan firma yang terbabit dalam perniagaan berteraskan teknologi.

Soalnya sekarang ialah adakah benar pekerja tempatan agak culas hingga menyebabkan kebergantungan kepada pekerja asing selama ini?

Memang benar dan ada asasnya betapa luahan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang menggesa pelbagai sektor pekerjaan negara perlu diisi pekerja mahir tempatan. Negara yang mencapai tahap kemajuan tinggi turut mempunyai produktiviti pekerja yang juga tinggi seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Jerman.

Modal manusia iaitu tahap pen-

didikan mempunyai hubungan langsung dengan produktiviti pekerja dan seterusnya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Lantas, strategi Malaysia untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi adalah dengan melahirkan lebih ramai tenaga kerja berpendidikan dan berkemahiran tinggi, terutama dalam bidang latihan teknikal dan pendidikan vokasional (TVET) melalui pembangunan sumber manusia.

## Peningkatan enrolmen

Keadaan ini dapat dilihat melalui peningkatan enrolmen pelajar di Kementerian Pendidikan yang menyasarkan peningkatan keseluruhan 650,000 pelajar dalam program TVET menjelang tahun 2025.

Ia selaras dengan Lonjakan Keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, PPPM (PT), untuk meningkatkan graduan TVET berkualiti. Melalui peningkatan kapasiti TVET, penulis mendapati kerajaan bersungguh-sungguh menyasarkan 2.5 kali ganda peningkatan keseluruhan enrolmen TVET kepada 650,000

pelajar menjelang tahun 2025, di mana 300,000 daripadanya didaftarkan dalam program di bawah Kementerian Pendidikan.

Di Jerman, negara itu sudah bermula dari peringkat sekolah rendah atas (kalau di Malaysia pada tahun 5 dan tahun 6) sebelum pengkhususan bidang bagi pelajar bermula dari menengah rendah (dari tingkatan satu). Inilah kejayaan berpanjangan negara Jerman yang berteraskan pekerja tempatan berkemahiran tinggi sejak 100 tahun dahulu.

Malaysia sebenarnya boleh mencapai dalam tempoh yang singkat, kurang dari 50 tahun, dengan mempelajari dari negara maju ini. Sebab itu, generasi muda juga harus diberi kesedaran bahawa TVET turut menjanjikan peluang kerjaya yang luas dan mampu memberi pulangan lumayan.

## Tingkat kemahiran pelatih

Kolej komuniti, kolej vokasional dan politeknik perlu diberi ruang dan kepercayaan dalam kalangan masyarakat berdasarkan upaya kolej itu menyediakan pendidikan tinggi TVET terbaik bagi mening-

katkan kemahiran pelatih seiring keperluan industri serta menambah peluang kemajuan kerjaya.

Sudah tentu enrolmen program TVET juga akan berkembang dengan ketara menerusi kerjasama dengan pihak industri bagi memastikan penawaran benar-benar memenuhi permintaan. Seiring dengan itu, inisiatif utama pihak industri ialah merangka dan melaksanakan model kurikulum baharu serta meningkatkan kualiti penyampaian menerusi program perantisan, latihan amali, simulasi dan latihan khusus.

Malahan penambahbaikan juga membabitkan penyelarasan dengan pelbagai agensi penyedia TVET bagi mengurangkan pertindihan program, mengoptimum sumber, membolehkan pengkhususan dalam bidang kepakaran dan meningkatkan kecekapan kos.

Yang pasti dalam tempoh terdekat ini, Malaysia akan kurang bergantung dengan pekerja asing, malahan boleh berbangga kerana memiliki pekerja mahir tempatan termasuk mempunyai pasaran antarabangsa.

## Komentar



**Ahmad Fauzi Mustafa**

Ketua di Pusat Penyelidikan Media Strategik (MINSTRA)



Fakta  
nombor

650,000  
SASARAN

pelajar TVET  
menjelang 2025

**Pelatih TVET diberi pendedahan seperti melakukan kerja membuat terowong** melalui program latihan hasil kerjasama MMC Gamuda dengan kolej komuniti dan IKBN.